

05 APRIL 2018

## Tiga lelaki edar dadah terima padah

### Tiga lelaki edar dadah terima padah

KUALA LUMPUR - Tiga lelaki termasuk dua warga Taiwan dihukum gantung sampai mati oleh Mahkamah Tinggi di sini semalam selepas didapati bersalah atas pertuduhan mengedar lapan kilogram (kg) dadah jenis Erimin 5, tiga tahun lalu.

Hakim Datuk Azman Abdullah menjatuhkan hukuman itu terhadap ketiga-tiga

tertuduh iaitu dua warga Taiwan, Wong Fu Tai, 22, dan Chen Chi Wen, 20, dan seorang lelaki tempatan, Cheah Chee Seng, 58, selepas pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan.

Fu Tai bekerja sebagai jurujual, Chi Wen (tukang kebun) dan Chee Seng (bekerja sendiri).

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa dengan niat bersama mengedar dadah jenis Erimin 5 seberat 8 kilogram di Triple A Nine Enterprise, 86-88 LG, Wisma Peng Wah, Jalan Bukit Bintang, pada pukul 10.50 malam, 30 April 2015.

Mereka didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah

Berbahaya 1952 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 39B(2) akta sama yang memperuntukkan hukuman gantung sampai mati, jika sabit kesalahan.

Seramai 16 saksi pendakwaan dan tiga saksi pembelaan iaitu ketiga-tiga tertuduh sendiri dipanggil memberi keterangan sepanjang perbicaraan bermula 11 April 2016.